

# Kerja keras untuk capai kejayaan dan kecemerlangan

UB 10/8/2011 B4

## WARGA Universiti

Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) disaraskan supaya sentiasa bekerja keras untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang akademik dan kurikulum.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata hanya usaha yang berterusan akan memastikan pelajar, pensyarah dan kakitangan mampu mencapai kejayaan dan kecemerlangan seperti mana yang diharapkan oleh pengurusan universiti.

Katanya, warga universiti perlu bekerjasama dan bergerak secara berpasukan supaya nama UMS-KAL akan terus tercatat dalam arus pembangunan negara sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memberi manfaat kepada pelanggan utamanya iaitu pelajar.

Beliau menambah pelajar dan masyarakat setempat terutama ibu bapa hanya mahu melihat kejayaan dan kecemerlangan dicipta oleh UMS-KAL dalam bidang akademik dan kurikulum sama ada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa.

“Tugas dan tanggungjawab yang berat terus dipikul oleh pengurusan, pentadbir,



**SEMANGAT...**Dr Lim Kian Ping (dari kiri), Kamisah, Dr Shariff dan Yuzren Yushak menyanyikan lagu UMS Bertekad Cemerlang.

pensyarah dan kakitangan sokongan untuk memastikan UMS-KAL mencapai kejayaan dan kecemerlangan demi kebaikan pelajar dan masyarakat amnya,” katanya berucap pada Majlis Amanat Pengarah Kampus 2011 di Dewan Theatrette.

Pada majlis itu, beliau melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang dan menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada Dekan dan Ketua-Ketua Bahagian untuk digantung di pejabat sekolah dan bahagian masing-masing.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin, Timbalan Dekan Sekolah



**KEMPEN...**Dr Shariff (tiga kiri) melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang.

kakitangan dan masyarakat.

Katanya, pengurusan UMS yang diterajui Naib Canselor, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, Pendaftar, Abdullah Mohd Said dan Bendahari, Rizal Othman sentiasa memantau perkembangan UMS-KAL supaya ia tidak ketinggalan dari segi pembangunan akademik, fizikal dan kurikulum dengan kampus induk di Kota Kinabalu.

Beliau turut menggariskan lima agenda asas yang perlu dilaksamakan untuk



**JALUR GEMILANG...**Ketua Bahagian Keselamatan, Usamah Mat Desa (kiri) menerima bendera Jalur Gemilang daripada Dr Shariff.

Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr Lim Kian Ping, ketua-ketua bahagian, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Dr Shariff berkata dalam tempoh dua tahun ini, sudah banyak pencapaian dan pembangunan dari segi fizikal dikecapai UMS-KAL dan ianya akan terus dilaksanakan untuk digunakan oleh pelajar,

memperkasa UMS-KAL iaitu meletakkan akademik pada kedudukan yang sebenar, memastabat UMS sebagai universiti berinovasi, meningkatkan prestasi diri, meningkatkan kualiti kerja dan pantas bertindak.

“Untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti, semua pihak khasnya pensyarah harus mengutamakan tugas utama

mereka iaitu memberi ilmu yang secukupnya selain mereka sendiri perlu berintegriti dan berilmu,” katanya.

Katanya, masyarakat luar termasuk syarikat swasta dan penaja akan menilai kualiti pelajar yang dihasilkan UMS-KAL sebelum mereka menawarkan pekerjaan atau biasiswa kepada pelajar.

Pada masa sama, beliau menambah pengurusan universiti akan memastikan kemudahan yang diperlukan pelajar akan dinaiktaraf seperti teknologi maklumat

(ICT), bilik kuliah, kemudahan asrama, kafetaria dan makmal.

Dr Shariff juga mahu pelajar, pensyarah dan kakitangan memberikan sumbangan kepada masyarakat yang dahagakan peningkatan ilmu selain mengeratkan lagi hubungan dua hala antara universiti dengan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan.